



 **Manulife**
Investments

Manulife Shariah Dynamic Leaders Fund

📞 (03) 2719 9271
✉️ manulifeim.com.my

Imbas kod QR untuk melayari laman web kami



Gambaran keseluruhan Peneraju Dinamik Shariah

Terokai pilihan pelaburan yang lebih stabil dengan Peneraju Dinamik Shariah

Pelaburan patuh Shariah kini semakin menjadi pilihan utama ramai pelabur. Dalam keadaan dunia yang penuh ketidaktentuan hari ini, prinsip pelaburan Shariah yang menekankan keadilan serta mempromosikan perkongsian risiko dilihat lebih stabil dan mempunyai daya tahan yang lebih tinggi—menjadikannya pilihan yang lebih menarik.

Apa itu Peneraju Dinamik Shariah

Peneraju Dinamik Shariah merupakan portfolio saham global yang terdiri daripada syarikat peneraju dalam industri dengan potensi pertumbuhan yang kukuh.

Ciri Utama Peneraju Dinamik Shariah:



Peneraju Industri

- Mempunyai jenama yang kukuh
- Tahap keuntungan yang tinggi
- Mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh



Profil Pertumbuhan yang Menarik

Beroperasi dalam sektor yang:

- Sekular (trend pertumbuhan jangka panjang)
- Stabil (pendapatan yang boleh dijangka)
- Bersifat kitaran (pertumbuhan yang seiring dengan kitaran ekonomi)



Konsisten

Menunjukkan prestasi kewangan yang stabil melalui:

- Margin, ROIC (Pulangan atas Modal yang Dilaburkan), dan ROE (Pulangan atas Ekuiti)
- Pendapatan, keuntungan dan aliran tunai


Melabur dalam syarikat yang mempunyai ciri ini boleh membawa kepada pertumbuhan modal jangka panjang yang kukuh sambil mengekalkan tahap risiko yang munasabah.

Mengapa melabur dalam Peneraju Dinamik Shariah?


Dana patuh Shariah lazimnya menekankan penggunaan hutang yang rendah, kedudukan kewangan yang kukuh dan model perniagaan yang beretika—ciri-ciri yang secara semula jadi menyokong kemampunan dan daya tahan jangka panjang. Peneraju Dinamik Shariah telah mencatat pertumbuhan yang konsisten dalam portfolionya sepanjang tempoh 20 tahun lalu dalam sektor pertumbuhan tradisional serta faktor pertumbuhan berkualiti yang mantap*. Ini mencerminkan kejayaan dalam menggabungkan pelaburan berasaskan nilai dengan disiplin kewangan yang kukuh, menjadikannya pilihan menarik bagi pelabur yang mengutamakan prestasi dan nilai murni.

*Prestasi lampau bukan petunjuk kepada prestasi akan datang.

Mengekori pulangan tahunan terlaras 20 tahun¹



Prestasi faktor pertumbuhan berkualiti berdasarkan sampel ~20 tahun Peneraju Dinamik Shariah²



¹ Sumber: Sistem Penyelidikan FactSet; tempoh 1 Julai, 2004 hingga 30 Jun 2024. Indeks yang digunakan ialah indeks MSCI ACWI.

² Sumber: Pengurusan Pelaburan Manulife; tempoh dari 1 Oktober 2004 hingga 30 Jun 2024. Indeks yang digunakan ialah Indeks MSCI ACWI, tidak termasuk sektor Kewangan.

Maklumat dana utama

Nama Dana	Manulife Shariah Dynamic Leaders Fund [“Dana”]		
Pengurus	Manulife Investment Management (M) Berhad 200801033087 (834424-U)		
Kategori Dana	Ekuiti (Patuh Shariah)		
Mata Wang Asas	USD		
Objektif Pelaburan	<p>Dana ini bertujuan untuk meningkatkan nilai modal dengan melabur dalam portfolio ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti yang mematuhi Shariah di peringkat global.</p> <p>Nota: Sebarang perubahan ketara terhadap objektif pelaburan Dana memerlukan kelulusan daripada Pemegang Unit.</p>		
Profil Pelabur	<p>Dana ini sesuai untuk pelabur yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ mahukan pertumbuhan modal; ▪ mengutamakan pelaburan patuh Shariah; ▪ mempunyai matlamat pelaburan jangka panjang; dan ▪ ingin mendapatkan pendedahan pelaburan melalui portfolio ekuiti patuh Shariah yang pelbagai di peringkat global. 		
Dasar dan Strategi Pelaburan	<p>Dana ini akan melabur sekurang-kurangnya 80% daripada NAB-nya dalam portfolio saham patuh Shariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Shariah milik syarikat besar di peringkat global (termasuk pasaran baru muncul). Syarikat-syarikat ini lazimnya merupakan peneraju industri dan berpotensi menjana pertumbuhan modal jangka panjang kerana terdedah kepada trend pertumbuhan sekular, stabil atau kitaran yang kukuh. Antara ciri utama mereka termasuk jenama yang kukuh, keuntungan tinggi, kedudukan kewangan yang sihat, dan prestasi kewangan yang konsisten. Baki NAB Dana akan dipegang dalam bentuk tunai dan/atau dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam dan/atau akaun pelaburan am dan/atau deposit Islam. Dana juga boleh melabur dalam Skim Pelaburan Kolektif Islam (CIS Islam) yang terhad kepada dana pasaran wang Islam bagi tujuan kecairan.</p>		
Tanda Aras Prestasi	<p>Indeks Islam MSCI ACWI</p> <p>Nota: Penanda aras prestasi di atas hanya digunakan sebagai rujukan untuk perbandingan prestasi pelaburan. Profil risiko Dana ini tidak sama dengan profil risiko penanda aras tersebut. Maklumat lanjut mengenai penanda aras prestasi boleh didapati di www.manulifeim.com.my.</p>		
Kelas	Kelas A (Lindung Nilai RM), Kelas (RM) A dan Kelas A (USD)		
Harga Tawaran Permulaan	Kelas A (Lindung Nilai RM) Kelas A (RM) Kelas A (USD)	RM0.5000 RM0.5000 USD0.5000	
Tempoh Tawaran Permulaan	Dua puluh satu (21) hari dari 23 Julai 2025 hingga 12 Ogos 2025		
Caj Jualan	Rangkaian Pengagihan UTC Pengurus IUTA	Caj Jualan Sehingga 5.00% daripada NAB seunit	
Yuran Pengurusan Tahunan	Sehingga 1.85% daripada NAB Dana setahun, dikira dan diakru secara harian.		
Yuran pemegang amanah tahunan	0.06% setahun daripada NAB Dana (termasuk yuran pemegang amanah tempatan tetapi tidak termasuk yuran dan caj pemegang amanah asing)		
Pelaburan permulaan minimum	Kelas A (Lindung Nilai RM) Kelas A (RM) Kelas A (USD)	Secara walk-in RM2,000.00 RM2,000.00 USD2,000.00 atau apa-apa amaun lain yang lebih rendah seperti yang Pengurus boleh tentukan dari semasa ke semasa.	Transaksi Dalam Talian RM200.00 RM200.00 Tidak Tersedia
Pelaburan tambahan minimum	Kelas A (Lindung Nilai RM) Kelas A (RM) Kelas A (USD)	Secara walk-in RM1,000.00 RM1,000.00 USD1,000.00 atau apa-apa amaun lain yang lebih rendah seperti yang Pengurus boleh tentukan dari semasa ke semasa	Transaksi Dalam Talian RM100.00 RM100.00 Tidak Tersedia
Dasar Pengagihan	Kelas A (Lindung Nilai RM), Kelas A (RM), dan Kelas A (USD). Kelas-kelas ini tidak bertujuan untuk mengagihkan pendapatan. Jika ada sebarang pengagihan pendapatan, ia hanyalah secara sampingan.		
Tarikh Akhir Tahun Kewangan	31 Julai		

Penafian:

Maklumat di atas belum disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan tertakluk kepada amaran, penafian, kelayakan atau terma dan syarat yang dinyatakan di sini. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami isi kandungan Prospektus Dana Peneraju Dinamik Manulife bertarikh 15 Julai 2025 dan semua Lembaran Sorotan Produk (secara kolektif, “Dokumen Penawaran”) yang berkaitan, yang boleh didapati di pejabat atau laman web kami, sebelum melabur. Dokumen Penawaran ini telah didaftarkan dengan SC. Walau bagaimanapun, pendaftaran dengan SC tidak bermakna atau menunjukkan bahawa SC telah mengesorkan atau menyokong produk ini. Pelaburan dalam dana unit amanah, dana borong, dan/atau Skim Persaraan Swasta mempunyai risiko. Antara risiko yang berkaitan dengan pelaburan ini termasuk risiko turun naik kadar faedah, risiko pertukaran asing atau mata wang, risiko negara, risiko politik, risiko kredit, risiko ketidakpatuhan, risiko pihak lawan, risiko pengurus dana sasaran, risiko kecairan, dan risiko kadar faedah. Untuk butiran lanjut mengenai profil risiko semua dana, sila rujuk bahagian Faktor Risiko dalam Dokumen Penawaran. Harga unit dan agihan pendapatan boleh menurun atau meningkat. Pelabur perlu membandingkan dan mempertimbangkan yuran, caj, dan kos yang terlibat. Pelabur juga dinasihatkan untuk menjalankan penilaian risiko sendiri dan mendapatkan nasihat profesional jika ragu-ragu tentang tindakan yang perlu diambil.